

Hanya 1 rekod

Muhyiddin arah tubuh jawatankuasa khas percepat salur bantuan

>>Oleh Mohamad Hussin
mohamad@hmetro.com.my

ALOR SETAR: "Saya mahu semua mangsa banjir di Kedah dan Perlis direkodkan bagi memudahkan kita menyalurkan bantuan. Jika ada 40,000 mangsa, rekodkan keluarga dan semua anggota keluarga terbabit. Hanya ada satu daftar, satu rekod saja," tegas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, semalam.

Shubungan itu, beliau mengarahkan satu jawatankuasa khas ditubuhkan segera bagi menyalurkan bantuan yang boleh diberi Kerajaan Pusat dengan cepat untuk memudahkan mangsa banjir meneruskan kehidupan selepas bah.

Beliau berkata, Kerajaan Pusat akan menyalurkan bantuan sewajarnya melalui jawatankuasa itu secepat mungkin selepas mereka kerugian akibat kehilangan atau kerosakan harta benda.

"Pertama sekali, saya minta kita kena ada daftar rekod mangsa banjir, jika ada 40,000 mangsa, rekodkan keluarga dan semua anggota keluarga terbabit. Kita mahu hanya ada satu rekod saja.

"Rekod mesti dimulakan sekarang, dari setiap kampung, mangsa terbabit, jumlah keluarga dan dari mana mereka datang serta bentuk kerugian dialami.

"Tujuannya untuk kita meneliti bentuk bantuan yang boleh disampaikan bagi membolehkan mereka membina semula kehidupan pasca banjir ini," katanya selepas



PRIHATIN... Muhyiddin melawat mangsa banjir di Stadium Sultan Abdul Halim, Alor Setar, semalam.

>Tiada cadangan tunda peperiksaan SPM, STPM

ALOR SETAR: Kementerian Pelajaran tidak bercadang menunda tarikh peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) jika keadaan banjir di Kedah dan Perlis tidak beransur pulih, kata Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau yang juga Menteri Pelajaran, berkata Kementerian itu akan melihat keadaan terlebih dahulu kerana masih ada kira-kira dua minggu lagi sebelum peperiksaan itu bermula.

"Kita sudah ada pelan alternatif jika banjir

berterusan, kita lihat dulu bagaimana kerana masih ada dua minggu lagi sebelum peperiksaan itu diadakan," katanya ketika ditemui selepas melawat mangsa banjir di pusat pemindahan di Stadium Sultan Abdul Halim di sini, semalam.

Beliau yang juga Timbalan Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas kemungkinan Kementerian itu akan mengubah suai jadual dua peperiksaan penting itu yang dijangka bermula 22 November ini berikutan banjir besar di Kedah dan Perlis serta cuaca yang tidak menentu kini.

melawat mangsa banjir di pusat pemindahan di Stadium Sultan Abdul Halim, di sini, semalam.

Muhyiddin berkata, di negeri itu jawatankuasa berkenaan akan dipengerusikan bersama Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang juga Ahli Parlimen Alor Setar, Datuk Chor Chee Heung dan Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno Kedah, Datuk Ahmad Bashah Md Hanipah selain ahli Majlis Keselamatan Negara (MKN) serta wakil agensi Kerajaan Pusat.

Katanya, banyak perkara perlu direkodkan, termasuk kawasan rumah yang tenggelam, rumah rosak, kerosakan tanaman serta haiwan ternakan yang mati akibat banjir besar itu.

"Daftar itu akan disediakan jawatankuasa berkenaan untuk disemak dan dibawa kepada MKN. Saya kemudian akan bawa kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak," katanya.

Hulur bantuan walaupun rumah sendiri tenggelam

ALOR SETAR: Rumahnya sendiri dinaiki air hingga paras pinggang, namun dia tetap komited membantu mangsa banjir lain yang lebih memerlukan.

Itulah yang dilakukan Timbalan Pengerusi merangkap Pengarah Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) cawangan Kedah, Nasir Mustafa, 66, yang masih setia sebagai sukarelawan membantu mangsa banjir walaupun rumahnya di Taman Uda di sini, tenggelam banjir yang melanda Kedah sejak Isnin lalu.

Kawasan perumahan itu an-

tara kawasan yang paling teruk dilanda banjir di daerah Kota Setar.

Nasir berkata, ketika rumahnya dinaiki air, Rabu lalu, dia berada di Sik menghadiri satu majlis PBSM.

"Saya mendapat panggilan daripada isteri, Aionn Ahmad, 60, kira-kira jam 2 pagi memaklumkan rumah kami mula dinaiki air.

"Kejadian ini memang mengejutkan kerana sejak mendiami Taman Uda lebih 34 tahun lalu, inilah kali pertama ia dilanda banjir," katanya ketika ditemui, di sini, semalam.



KUTIP...Johan (kiri) bersama selebriti TV3 mengutip derma sempena Karnival Jom Heboh TV3 di Stadium Batu Kawan, Pulau Pinang, semalam.

Media Prima, NSTP hantar sukarelawan

TABUNG BENCANA

Sumbangan boleh dihantar ke
Bahagian Kewangan NSTP, 31 Jalan Riong,
59100, Kuala Lumpur dan pejabat
cawangan atau cek atas nama
Tabung Bencana NSTP-Media Prima
Akaun Maybank : 514105-320757
(Sila tulis nama penuh dan alamat di belakang cek)

butan baik daripada pengujung.

"Saya terharu dan berbangga dengan keprihatinan pengujung menghulurkan sumbangan tanpa mengira bangsa dan agama.

"Masyarakat negara ini begitu baik dan bertanggungjawab terutama terhadap mereka yang ditimpa kesusahan seperti mangsa banjir ini," katanya.

Individu dan organisasi berminat membantu mangsa banjir boleh menyalurkan sumbangan ke nombor akaun Maybank 5141-0532-0757 dengan nama Tabung Bencana NSTP-Media Prima.

Selain itu sumbangan juga boleh disalurkan melalui Maybank2u.com.my, pindahan dana di mesin juruwang automatik (ATM) dan Kawanku Phone Banking, mesin deposit tunai, mesin deposit cek serta kaunter Maybank terdekat.

Sumbangan juga boleh dihantar ke Bahagian Kewangan NSTP, di alamat Balai Berita, 31, Jalan Riong, 59100, Bangsar, Kuala Lumpur atas nama Tabung Bencana NSTP-Media Prima.

Johan berkata, pihaknya akan berusaha mengumpul sebanyak mungkin dana termasuk daripada syarikat korporat dan lain-lain.

Beliau berkata, melihat kepada peningkatan mendadak jumlah mangsa banjir, MPB bersama NSTP melancarkan tabung itu untuk mengumpul dana bantuan kemanusiaan selain menggerakkan sukarelawan bagi membantu dalam proses penyaluran bantuan.



SEMANGAT WAJA...Nasir (kiri) tetap menjalankan tugas walaupun rumahnya turut dilanda banjir.

4 kali derita

POKOK SENA: "Saya jadi buntu...tak tahu nak buat apa apabila pulang ke rumah dan mendapati semua barang musnah," kata Siti Mariam Hassan, 36, yang sedih mengenangkan nasib keluarganya selepas rumahnya ditenggelami air setinggi tiga meter di Kampung Bukit, Mukim Derang, di sini, sejak banjir besar melanda Kedah, Ahad lalu.

Katanya, dia menjadi mangsa banjir besar empat kali iaitu pada 1988, 1995, 2005 dan tahun ini, namun reda kerana percaya itu semua dugaan Tuhan.

"Saya pasrah dan reda atas apa yang berlaku kerana sebelum ini saya sudah menempuh pelbagai dugaan akibat banjir besar.

"Setiap kali musim hujan, hati saya jadi tak keruan kerana memikirkan mana hendak duduk, tidur selain semua barangan dalam rumah seperti perabot dan elektrik akan rosak.

"Banjir kali ini memang teruk kerana rumah saya dinaiki air sedalam tiga meter, malah hampir menenggelamkan rumah," katanya yang ditemui di rumahnya di Kam-

FOTO | Shahrizal Md Noor



BERSIH...Siti Mariam membersihkan pinggan mangkuk di rumahnya, semalam.

pung Bukit, di sini, semalam.

Siti Mariam yang menjadi mangsa banjir dan ditempatkan di pusat pemindahan banjir di Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Hijau, di sini, berkata dia perlu menguatkan semangat supaya anak-anaknya juga tidak mudah berputus asa dengan kejadian banjir itu.

"Jika ikutkan hati sudah lama saya putus asa dan lemah semangat apabila melihat rumah dinaiki air setiap kali banjir.

"Saya kena kuatkan semangat menempuh dugaan ini, jika saya sendiri selalu mengeluh dan berputus asa, anak-anak serta suami juga akan mengikut jejak langkah saya begitu," katanya yang kerugian hampir RM10,000 apabila barangan keperluan rumahnya musnah.

Siti Mariam berkata, banjir kali ini paling teruk kerana paras air naik tinggi sehingga tiga meter menyebabkannya tidak sempat menyelamatkan barangan rumah.

Situasi di Kedah pulih kecuali di Kota Setar

ALOR SETAR: Keadaan banjir di Kedah semakin pulih apabila jumlah mangsa banjir yang masih berada di pusat pemindahan sementara mencatat penurunan, namun keadaan di daerah Kota Setar di sini, bertambah buruk apabila mangsa yang dipindahkan meningkat kepada 21,116 orang.

Sehingga jam 6.30 petang semalam, di seluruh negeri itu seramai 31,712 mangsa banjir membabitkan 7,856 keluarga masih berada di 83 pusat pemindahan, berbanding 33,563

orang kelmarin.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Majlis Keselamatan Negara (Kedah) ketika dihubungi berkata, seramai 21,116 orang daripada 5,060 keluarga masih ditempatkan di pusat pemindahan di daerah Kota Setar, berbanding 19,591 orang kelmarin.

Beliau berkata, jumlah mangsa banjir yang dipindahkan di daerah Kubang Pasu mencatat penurunan kepada 9,531 orang daripada 2,591 keluarga, berbanding 12,242 orang kelmarin.

Hujan berterusan di empat negeri

KUALA LUMPUR: Cuaca mendung dan hujan berterusan dijangka berlaku di Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu sehingga esok.

Menurut Jabatan Meteorologi Malaysia, Perlis dan utara Kedah masih mengalami cuaca mendung dan hujan renyai-renyai dari semasa ke semasa pada se-

belah malam dan awal pagi. Hujan lebih banyak dijangka melanda bermula esok petang dan malam terutamanya di kawasan pedalaman, kata kenyataan jabatan itu.

Namun, ia tidak akan memburukkan lagi keadaan banjir yang berlaku di Perlis dan Kedah. - Bernama